

**Satu Analisis Ketepatan Terjemahan *Chengyu* dalam Novel *Jia*
(Keluarga) ke dalam Bahasa Melayu**
*(An Analysis of the Accuracy of Chengyu Translation in
the Novel Jia [Family] into Malay)*

BOH PHAIK EAN

*GOH SANG SEONG

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: gohss@usm.my

Abstrak. Makalah ini membincangkan penterjemahan makna *chengyu* ke dalam bahasa Melayu. *Chengyu* ialah subkategori peribahasa Cina yang bentuk dan maknanya bersifat ringkas, tetap dan padat. Data kajian melibatkan 208 data yang dikutip secara manual daripada novel *Jia* (Keluarga). Bagi tujuan pengumpulan dan penganalisisan data, kajian ini memanfaatkan definisi penterjemahan dan kaedah perbandingan teks yang diutarakan oleh Larson serta definisi dan pengkategorian *chengyu* yang dikemukakan oleh Wu Zhan Kun dan Wang Qin. Hasil pencerakinan data menunjukkan bahawa wujudnya keadaan persamaan makna, pengurangan makna, penambahan makna, pengosongan makna dan perbezaan makna. Malahan, lebih daripada satu keadaan tersebut boleh hadir secara serentak. Terjemahan tepat tercapai kerana wujudnya persamaan atau hampir sama antara konsep pemikiran dalam bahasa sumber dengan bahasa Sasaran. Perihal makna *chengyu* tertinggal, ditokok tambah, dikosongkan ataupun berbeza daripada makna asal didapati berpunca daripada kekangan linguistik dan ekstralinguistik serta kecuaian manusia. Penguasaan dua proses utama yang menerajui aktiviti penterjemahan, iaitu pemerolehan dan penjelmaan semula makna dalam teks sumber mestilah berada pada tahap yang tinggi.

Kata kunci dan frasa: *chengyu*, pemindahan makna, makna hakiki, makna leksikal, penterjemahan bahasa Cina-bahasa Melayu

Abstract. This paper discusses the translation of *chengyu* meanings into Malay. *Chengyu* is a subcategory of Chinese proverbs with a form and meaning that is simple, fixed and compact. Research data includes 208 data collected manually from the novel *Jia* (Family). For the purpose of data collection and analysis, this study utilises the definition of translation and the text comparison method proposed by Larson as well as the definition and categorisation of *chengyu* proposed by Wu Zhan Kun and Wang Qin. The results of the data analysis show that there are occurrences of equivalent meaning, reduced meaning, added meaning, zero meaning and different meaning. In fact, more than one condition may be present simultaneously. Accurate translation is achieved because there are similarities or near-similarities in thinking concepts between the source

language and the target language. Chengyu with missing meaning, exaggerated meaning, zero meaning or meaning different from the original occurs due to linguistic and extralinguistic constraints as well as human negligence. There must be a strong grasp of the two main processes leading the translation activities, the derivation and conveyance of meaning from the source text.

Keywords and phrases: *chengyu, meaning transfer, true meaning, lexical meaning, Chinese-Malay translation*

Pengenalan

Menurut pendeta Za'ba (1965, 165), "Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran". Tambah beliau lagi (ibid., 166), "Semua bahasa penuh dengan peribahasa, bidalan dan perumpamaan". Pendapat yang sama dikemukakan oleh Larson (1984, 20) bahawa "*All languages have idioms, i.e. a string of words whose meaning is different than the meaning conveyed by the individual words*". Za'ba (1965, 166) menegaskan bahawa khazanah peribahasa yang tersimpan dalam satu bahasa berbeza daripada bahasa yang lain dari segi jumlah bilangan dan mutu isinya berdasarkan tahap kemajuan bahasa dan bangsa yang menggunakannya. Biarpun demikian, jurang perbezaan ini semestinya dapat dirapatkan melalui penterjemahan bersesuaian dengan pendapat yang diutarakan oleh Newmark (1988, 10):

Translation is now used as much to transmit knowledge and to create understanding between groups and nations, as to transmit culture.

Penterjemahan membolehkan pembawaan masuk ilmu dan pengetahuan dari luar. Pertukaran maklumat, ilmu pengetahuan, pandangan dan budaya antara dua bahasa yang berlainan sememangnya mampu memperkaya dan memperkasa bahasa dan pemikiran sesebuah bangsa serta menggalakkan persefahaman budaya.

Dalam bahasa Cina, peribahasa atau ungkapan tetap dikenali umum sebagai *shuyu* dan tergolong kepada beberapa subkategori seperti *chengyu*, *yanyu*, *xiehouyu* dan *guanyongyu* (Fu 2011, 11). Menurut Zhou (2004, 307), berbeza daripada subkategori peribahasa Cina yang lain, *chengyu* lebih berbentuk tulisan. Kebanyakannya *chengyu* berasal daripada karya yang berwibawa, dan lantaran itu *chengyu* bersifat klasik (Zhou 2004, 282). Wu dan Wang (1983, 249) mendefinisikan *chengyu* sebagai ungkapan yang bersifat tetap, ringkas dan padat dari segi bentuk dan maknanya, melahirkan buah fikiran melalui empat aksara

serta halus dan indah bahasanya. Mereka seterusnya (1983, 261–263) mengklasifikasikan *chengyu* kepada dua jenis yang utama berdasarkan hubungan antara "makna leksikal", iaitu maksud tersurat yang dapat dicapai melalui gabungan erti setiap aksara yang membentuk *chengyu* dengan "makna hakiki", iaitu maksud tersirat yang terdapat pada gabungan aksara tersebut. *Chengyu* bergabung ialah *chengyu* yang makna leksikal dan makna hakikinya bersifat selaras manakala *chengyu* tidak bergabung mempunyai makna hakiki yang agak jauh berbeza daripada makna leksikalnya. Hal ini kelihatan terdorong oleh faktor kebanyakan *chengyu* tidak bergabung bersumberkan cerita dongeng, peristiwa sejarah ataupun berunsurkan kiasan.

Zhang (1982, 116) menyatakan bahawa penggunaan dan penyebaran *chengyu* memainkan peranan yang penting dalam usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang budaya dan warisan sejarah. Tambah beliau lagi, *chengyu* mampu meningkatkan keberkesanan proses penyampaian sesuatu mesej dan menghasilkan penulisan yang kemas, menarik, indah serta bersemangat. Namun demikian, terdapat dua fenomena lazim dalam pembentukan *chengyu*, iaitu makna hakiki *chengyu* tidak dapat dicapai secara langsung menerusi makna leksikalnya dan kebanyakan *chengyu* mempunyai makna yang tersirat di sebalik makna leksikalnya. Kedua-dua fenomena ini semestinya memberikan cabaran yang amat besar kepada para penterjemah dalam usaha untuk memperoleh makna *chengyu* dan menyampaikan semula makna tersebut ke dalam teks sasaran dengan tepat.

Sebagai mekanisme pemindahan makna, Larson (1984, 3) mengutarakan bahawa penterjemahan melibatkan kerja-kerja seperti yang berikut:

... studying the lexicon, grammatical structure, communication situation, and cultural context of the source language text, analyzing it in order to determine its meaning, and then reconstructing this same meaning using the lexicon and grammatical structure which are appropriate in the receptor language and its cultural context.

Pernyataan yang diutarakan oleh Larson (1984) mendedahkan bahawa proses penterjemahan didahului dengan aktiviti penerokaan makna yang terkandung dalam teks asal dan diikuti oleh usaha penyampaian semula makna teks asal ke dalam teks sasaran. Kepentingan penyampaian semula makna juga pernah ditegaskan oleh Nida dan Taber (1969, 12) yakni penterjemahan melibatkan penghasilan semula padanan yang paling hampir dan sejadi dengan mesej bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, pertamanya dari segi makna dan yang kedua pula dari segi gaya. Begitu juga dengan sarjana Newmark (1981, 7) yang mentakrifkan penterjemahan sebagai:

... a craft consisting in the attempt to replace a written message and/or statement in one language by the same and/or statement in another language.

Ketiga-tiga pernyataan tersebut jelas membuktikan bahawa ketepatan penterjemahan makna teks sumber ke dalam teks sasaran menjadi tunjang dalam kerja-kerja menterjemah. Nida (1964, 156) mengemukakan terjemahan formal yang mengutamakan mesej dalam bentuk dan kandungan asal serta terjemahan dinamik yang menekankan persamaan yang paling semula jadi dan terdekat dengan mesej teks sumber. Larson (1984, 15) turut mencadangkan dua orientasi terjemahan, iaitu terjemahan literal dan terjemahan idiomatik yang masing-masing memberikan penumpuan pada usaha pengekalan semula bentuk dan penyampaian semula makna teks sumber ke dalam teks sasaran.

Untuk kajian ini, penyampaian semula makna *chengyu* ke dalam teks sasaran semestinya menjadi kriteria penilaian terjemahan yang paling penting kerana penggunaan *chengyu* berfungsi sebagai satu unit yang menerangkan sesuatu konsep atau perkara secara keseluruhan (Luo 1989, 15) dan makna *chengyu* adalah bersifat tetap (Wu dan Wang 1983, 249), iaitu tidak terjejas dengan genre teks atau konteks ayat kehadiran. Lantaran itu, pendekatan penterjemahan aliran linguistik yang menitikberatkan konsep persamaan makna bahasa sumber dengan bahasa sasaran mendasari kerangka teori kajian ini. Pendekatan fungsian yang menekankan persamaan fungsi komunikasi teks sumber dengan teks sasaran, seperti teori *skopos* (Reiss dan Vermeer, 1984 dalam Nord, 1997) kelihatan kurang relevan bagi kajian ini.

Tambahan pula, Larson (1984, 485–486) turut menyatakan bahawa:

It is very easy, as one is translating, to inadvertently omit some piece of information. Sometimes in restructuring, the translator is working hard at getting across the meaning, and in so doing adds information which was not really in the source text. This information will need to be deleted. Sometimes mistakes are made in the analysis of the source text or in the transfer process and a different meaning results.

Daripada pernyataan Larson, penterjemah didapati tidak terlepas daripada kesilapan ketika cuba memindahkan makna daripada teks sumber kepada teks sasaran. Lebih-lebih lagi, fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan *chengyu* telah dibuktikan boleh berlaku dalam teks sasaran melalui kajian Boh dan Goh (2013), serta Goh dan Boh (2014). Oleh itu, makalah ini membincangkan keadaan ketepatan penterjemahan makna *chengyu* ke dalam bahasa Melayu sebagai usaha lanjutan daripada kedua-dua kajian tersebut. Untuk

kajian ini, definisi penterjemahan yang diutarakan oleh Larson (1984) dimanfaatkan untuk memudahkan pemahaman tentang penterjemahan. Hal ini disebabkan beliau bukan sekadar memberikan gambaran yang jelas bahawa penterjemahan melibatkan proses menyahkod dan mengekod, malah turut memperincikan bahawa aspek leksikal, struktur ketatabahasaan, situasi komunikasi dan budaya dalam kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran harus diberikan tumpuan.

Metodologi Kajian dan Kerangka Teori

Analisis ini dijalankan dengan memanfaatkan pendekatan analisis deskriptif dan kuantitatif deskriptif (penjadualan ringkas). Data kajian dikutip secara manual daripada novel *Jia*, karya kesusasteraan agung yang dihasilkan oleh Ba Jin (1904–2005), sasterawan negara China pada awal abad ke-20 dan terjemahannya, *Keluarga* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1995. Daripada 208 data *chengyu* yang hadir dalam teks kajian, 103 ialah *chengyu* bergabung dan 105 ialah *chengyu* tidak bergabung. Jumlah 208 data tersebut menunjukkan bilangan kali kehadiran *chengyu* dalam teks kajian dan bukannya *chengyu* yang berlainan bentuk dan makna. Hal ini disebabkan terdapat *chengyu* yang penggunaannya melebihi sekali. Bagi mengelakkan pengulangan data yang sama bentuknya, 50 data daripada setiap jenis *chengyu* tersebut diambil untuk dianalisis. Pengumpulan dan pengkategorian data kajian adalah berpandukan definisi dan pengkategorian *chengyu* yang diutarakan oleh Wu dan Wang (1983). Untuk tujuan penganalisan dan pencerakinan data, kaedah perbandingan teks oleh Larson (1984, 482) dimanfaatkan. Larson (1984, 482) menjelaskan bahawa selain terjemahan tepat, permasalahan seperti yang berikut akan ditemui:

Some of the problems he may find are 1) something omitted, 2) something added, 3) a different meaning, or 4) a zero meaning, that is, the form used just doesn't communicate any meaning at all.

Pernyataan ini menunjukkan bahawa dalam perbandingan teks untuk menilai ketepatan makna terjemahan, dua keadaan seperti berikut akan timbul:

1. Terjemahan tepat, iaitu semua maklumat yang terkandung dalam teks sumber dipindahkan ke dalam teks sasaran, tiada apa-apa maklumat yang tertinggal, ditambah, dikosongkan ataupun berbeza daripada teks sumber.
2. Terjemahan tidak tepat, iaitu:
 - a. Pengurangan makna, iaitu maklumat dalam teks sumber tertinggal dalam teks sasaran.

- b. Penambahan makna, iaitu maklumat yang tiada dalam teks sumber telah ditambahkan ke dalam teks sasaran.
- c. Perbezaan makna, iaitu maklumat yang salah telah diberikan dalam teks sasaran.
- d. Pengosongan makna, iaitu tiada padanan terjemahan yang diberikan dalam teks sasaran.

Kedua-dua keadaan tersebut dimanfaatkan untuk menentukan keadaan ketepatan makna terjemahan *chengyu*. Pengukuran ketepatan makna dalam kajian ini berdasarkan ketepatan makna *chengyu* dan terjemahannya. Makna *chengyu* dikenal pasti berdasarkan makna yang diberikan dalam Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987), Kamus *Cheng Yu Da Ci Dian* (2007) dan Kamus *Zui Xin Han Yu Da Ci Dian* (2000), manakala makna padanan *chengyu* dalam bahasa Melayu dikenal pasti daripada Kamus *Dewan* (2005), Kamus *Simpulan Bahasa* (1990) dan Kamus *Istimewa Peribahasa Melayu* (1991).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua keadaan yang dikemukakan oleh Larson (1984), iaitu keadaan persamaan makna, pengurangan makna, penambahan makna, pengosongan makna dan perbezaan makna terhasil dalam penterjemahan *chengyu* bergabung dan *chengyu* tidak bergabung. Malah, lebih daripada satu keadaan tersebut boleh timbul secara serentak, khususnya *chengyu* yang menyampaikan lebih daripada satu maklumat. Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan taburan keadaan ketepatan penterjemahan makna *chengyu* mengikut pengkategorinya. Hasil penelitian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara dalam taburan keadaan ketepatan penterjemahan makna antara dua jenis *chengyu* tersebut. Keputusan analisis menunjukkan bahawa keadaan persamaan makna lebih kerap berlaku dengan mencatatkan kadar yang paling tinggi, iaitu 40% dalam penterjemahan *chengyu* bergabung dan 48% dalam penterjemahan *chengyu* tidak bergabung. Keadaan pengurangan makna, penambahan makna, pengosongan makna, perbezaan makna dan kes-kes lain turut berlaku tetapi mencatatkan peratusan yang lebih rendah dan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Secara tidak langsung, hal ini membuktikan bahawa keadaan ketepatan penterjemahan makna tidak berhubung kait dengan jenis *chengyu* yang hadir dalam teks sumber.

Jadual 1. Taburan keadaan ketepatan penterjemahan makna *chengyu* bergabung

Keadaan	Penilaian	Terjemahan tepat	Terjemahan tidak tepat		Jumlah
			Boleh diterima	Tidak boleh diterima	
Persamaan makna		20	—	—	20 (40%)
Pengurangan makna		—	5	6	11 (22%)
Penambahan makna		—	—	4	4 (8%)
Pengosongan makna		—	2	4	6 (12%)
Perbezaan makna		—	—	8	8 (16%)
Kes-kes lain		—	—	1	1 (2%)
Jumlah		20 (40%)	7 (14%)	23 (46%)	50 (100%)
		27 (54%)			

Jadual 2. Taburan keadaan ketepatan penterjemahan makna *chengyu* tidak bergabung

Keadaan	Penilaian	Terjemahan tepat	Terjemahan tidak tepat		Jumlah
			Boleh diterima	Tidak boleh diterima	
Persamaan makna		24	—	—	24 (48%)
Pengurangan makna		—	1	7	8 (16%)
Penambahan makna		—	0	2	2 (4%)
Pengosongan makna		—	1	4	5 (10%)
Perbezaan makna		—	0	10	10 (20%)
Kes-kes lain		—	0	1	1 (2%)
Jumlah		24 (48%)	2 (4%)	24 (48%)	50 (100%)
		26 (52%)			

Dalam penterjemahan *chengyu* bergabung, 40% terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tepat manakala 60% yang selebihnya ialah terjemahan tidak tepat. Namun demikian, daripada 60% terjemahan tidak tepat, didapati 14% terjemahan tersebut boleh diterima atas faktorkekangan linguistik dan ekstralinguistik yang memustahilkan padanan tepat. Bagi kategori *chengyu* tidak bergabung pula, didapati 48% terjemahan tepat dan 52% terjemahan tidak tepat. Daripada jumlah tersebut, empat peratus terjemahan tidak tepat didapati boleh diterima. Secara keseluruhan, sebanyak 54% terjemahan *chengyu* bergabung dan 52% terjemahan *chengyu* tidak bergabung mencapai keadaan terjemahan tepat dan terjemahan tidak tepat yang boleh diterima. Keadaan ini menunjukkan terjemahan *chengyu* yang dihasilkan berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hasil kajian Huang (2011) menunjukkan bahawa terjemahan yang baik sekurang-kurangnya perlu mencapai 90% ketepatan makna.

Bagi perbincangan dalam makalah ini, dua kes yang signifikan daripada korpus kajian dikemukakan untuk setiap keadaan tersebut. Walaupun demikian, kesemua 100 kes yang keadaan ketepatan penterjemahan makna *chengyu* telah dianalisis, diperturunkan secara ringkas dalam bentuk jadual (rujuk Lampiran). Perbincangan bermula dengan terjemahan yang mencapai keadaan persamaan makna dan diikuti keadaan pengurangan makna, penambahan makna, pengosongan makna, perbezaan makna serta kes-kes lain. Setiap kes yang dibincangkan didahului dengan teks sumber, transliterasi, glos dan teks sasaran. Teks sumber dan teks sasaran masing-masing disertakan maklumat halaman, perenggan dan baris (dalam tanda kurung bulat) pada penghujung ayat.

Keadaan Persamaan Makna

Terjemahan tepat terhasil apabila padanan yang diberikan dalam bahasa sasaran tersebut mengandungi makna yang setara dengan makna yang didukung oleh *chengyu*. Dalam hal ini, makna yang terdapat pada *chengyu* dalam teks sumber berjaya disalin semula secara lengkap; tiada sebarang maknanya yang tertinggal, diberikan makna tambahan atau disampaikan makna yang berbeza mahupun digugurkan dalam teks sasaran.

Perhatikan kes 1 dan kes 2 yang berikut:

- 1(a) 吴京士第一个走到觉慧的面前向他伸出手，说：“我有事情先走了。明天早晨我不来送你，我们就在这儿告别罢。祝你一路平安Jia [1999], halaman 414, perenggan 10, baris 4)
Wu jing shi di yi ge zou dao jue hui de mian qian xiang ta shen chu shou, shuo: "wo you shi qing xian zou le. Ming tian zao chen wo bu lai song ni, wo men jiu zai zhe er gao bie ba. Zhu ni yi lu ping an".
[Wu Jing Shi yang pertama {penjodoh bilangan} jalan sampai Jue Hui punya hadapan berhadap dia menghulurkan tangan, berkata: "Aku ada hal lebih dahulu pergi sudah. Esok pagi aku tidak datang hantar awak, kita pun di sini berpisah {kata bantu}. Semoga awak sepanjang jalan selamat

1(b) Wu Jinsi yang pertama-tama menghulurkan tangan kepada Juehui, katanya, "Aku nak minta diri dulu kerana urusan lain. Pagi esok aku tak sempat menghantarmu. Biar kita berpisah di sini. Selamat jalan, Juehui". (*Keluarga* [1995], halaman 537, perenggan 0, baris 2)

Chengyu 一路平安 [*yi lu ping an*; sepanjang jalan selamat] dalam 1(a) ialah *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya adalah selaras dengan makna leksikalnya, iaitu lancar di sepanjang perjalanan dan sering kali *chengyu* ini digunakan sebagai ucapan selamat untuk orang yang pergi merantau (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* 1987, 1544). Berdasarkan konteks ayat 1(a),

chengyu tersebut merupakan salam yang diberikan oleh Wu Jin Si kepada Jue Hui supaya sejahtera dan dipermudahkan segala urusan sepanjang perjalananannya ke Shanghai. *Chengyu* tersebut diterjemahkan menjadi *selamat jalan*. Padanan *selamat jalan* ialah simpulan bahasa yang mendukung makna "persalamann kepada orang-orang yang akan melakukan perjalanan" (*Kamus Simpulan Bahasa* 1990, 272). Padanan tersebut ialah ucapan selamat sejahtera yang disampaikan kepada Jue Hui yang akan bertolak ke Shanghai. Dengan membandingkan makna *chengyu* dalam 1(a) dengan makna padanannya dalam 1(b), dirumuskan bahawa makna hakiki *chengyu* tersebut adalah sama dengan makna padanan. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tepat. Budaya memberikan ucapan selamat kepada seseorang yang akan memulakan perjalanan ke tempat lain dalam bahasa sumber kelihatan juga wujud dalam budaya bahasa sasaran, malah menggunakan bentuk yang serupa. Persamaan ini membolehkan *chengyu* dalam 1(a) dapat diberikan padanan sejadi dalam bahasa sasaran.

- 2(a) 这条清静的街道现在非常热闹了。一片鞭炮的响声把石板地也震动了，四面八方都是这同样的声音，人分辨不出它们究竟是从什么地方来的。声音是那么急，那么响亮，就象万马奔腾，怒潮狂涌一样。*(Jia [1999], halaman 131, perenggan 1, baris 2)*

Zhe tiao qing jing de jie dao xian zai fei chang re nao le. Yi pian bian pao de xiang sheng ba shi ban di ye zhen dong le, si mian ba fang dou shi tong yang de sheng yin, ren fen bian bu chu ta men shi cong shen me di fang lai de. Shen yin shi na me ji, na me xiang liang, jiu xiang wan ma ben teng, nu chao kuang yong yi yang.

[Ini batang sunyi punya jalan sekarang sangat meriah sudah. Satu keping mercun punya bunyi menjadikan kepingan batu lantai juga bergegar sudah, empat arah lapan tempat semua ialah ini sama punya bunyi, manusia membezakan tidak {kata ganti nama benda} sebenarnya ialah dari apa tempat datang punya. Bunyi ialah begitu bergesa-gesa, begitu nyaring, pun seperti puluhan ribu kuda melejang, bergelora ombak hebat melanda sama.]

- 2(b) Lorong yang lengang sekarang menjadi riuh-rendah. Bunyi mercun yang berlanjutan menggegarkan jalan batu jubin. Dentuman kedengaran dari pelbagai pelosok sehingga sukar hendak mengecam dari arah mana datangnya. Bunyi gerutup mercun yang rancak dan nyaring ibarat ribuan ekor kuda memecut laju, ibarat ombak mengganas di lautan. (*Keluarga [1995]*, halaman 174, perenggan 1, baris 3)

Chengyu 万马奔腾 [*wan ma ben teng*; puluhan ribu kuda melejang] dalam 2(a) dikenal pasti ialah *chengyu* tidak bergabung disebabkan makna hakiki tidak selaras dengan makna leksikal. Makna hakikinya, iaitu keadaan atau suasana yang bersemangat kuat, berkembang pesat, hangat dan meriah diasosiasikan

melalui makna leksikalnya, iaitu sangat banyak kuda melejang (Kamus *Cheng Yu Da Ci Dian* 2007, 976). Penggunaan *chengyu* tersebut dalam konteks ayat 2(a) memerihalkan bunyi mercun yang sangat kuat dan laju. *Chengyu* tersebut diberikan padanan sebagai "ribuan ekor kuda memecut laju". Dengan membandingkan makna *chengyu* tersebut dalam 2(a) dengan makna padanannya dalam 2(b), didapati bahawa padanan yang diberikan mengungkapkan makna yang sepadan dengan makna leksikal *chengyu* tersebut. Padanan ini digunakan sebagai unsur simile dalam ayat 2(b) melalui kata "ibarat". Oleh itu, makna hakiki yang didukung oleh *chengyu* dalam ayat 2(a) dapat dicapai melalui kata-kata sebelumnya; padanan ini memerihalkan keadaan yang meriah akibat daripada pembakaran mercun dengan mengasosiasikannya melalui gambaran ribuan ekor kuda yang memecut dengan laju. Terjemahan ini memaparkan keadaan persamaan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tepat.

Analisis kes 1 dan kes 2 menunjukkan bahawa persamaan budaya dan norma kehidupan antara penutur bahasa sumber dengan penutur bahasa Sasaran membolehkan makna hakiki *chengyu* disampaikan dengan selengkapnya ke dalam teks Sasaran. Di samping itu, penterjemahan *chengyu* didapati tidak semata-mata terletak pada makna hakiki sahaja. Ada kalanya pemindahan makna leksikal *chengyu* tidak bergabung mampu menjelaskan corak pemikiran dan perlambangan yang digunakan dalam budaya sumber untuk mengungkapkan makna yang tertentu. Dalam kes 2, pemindahan lambang 万 [wan; puluhan ribu] dan 马 [ma; kuda] ke dalam teks Sasaran dapat mencerminkan pandangan dunia dan budaya Cina yang menggunakan angka "puluhan ribu" sebagai perlambangan "sangat banyak" serta mengaitkan "kuda" dengan sifat "laju". Walaupun begitu, keadaan ini hanya boleh diterima dengan syarat makna hakiki itu mestilah dapat digarap melalui konteks ayat tersebut. Hal sedemikian bukan sahaja menjamin ketepatan penterjemahan makna *chengyu*, malah berjaya membawa masuk maklumat asing ke dalam bahasa Sasaran dan seterusnya menggalakkan persefahaman.

Keadaan Pengurangan Makna

Keadaan pengurangan makna bermaksud *chengyu* yang hadir dalam teks sumber tidak disampaikan maknanya dengan lengkap ke dalam teks Sasaran. Padanan yang diberikan mengandungi makna yang kurang daripada makna *chengyu* yang diungkapkan dalam teks sumber. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat.

Hal ini boleh diamati dalam kes 3 dan kes 4 berikut:

- 3(a) 老太爷因为觉群在堂屋里说了不吉利的话，便在一张红纸条上写着 "童言无忌、大吉大利"，拿出来贴在堂屋的门柱上。
 (154.6.2)
Lao tai ye yin wei jue qun zai tang wu li shuo le bu ji li de hua, bian zai yi zhang hong zhi tiao shang xie zhe "tong yan wu ji, da ji da li", na chu lai tie zai tang wu de men zhu shang.
 [Datuk kerana Jue Qun di ruang tengah dalam cakap sudah tidak bertuah punya kata, lalu di satu helai merah kertas atas tulis sedang "budak kata tiada pantang, besar tuah besar untung", ambil keluar tampal pada ruang tengah punya jenang pintu atas.]
- 3(b) Oleh sebab Jianyun mengeluarkan kata-kata sial, maka ditulis oleh datuk kata-kata bertuah di atas secebis kertas merah lalu ditampal pada tiang ruang utama. (205.2.3)

Berdasarkan penerangan makna yang diberikan dalam Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987, 1273), *chengyu* 童言无忌 [*tong yan wu ji*; budak kata tiada pantang] dalam 3(a) ialah *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya dapat digarap menerusi makna leksikalnya, iaitu kanak-kanak tidak perlu berpantang semasa bercakap biarpun yang disebutnya itu membawa maksud sial atau tidak baik. Tanda petikan yang digunakan dalam ayat 3(a) menunjukkan bahawa *chengyu* tersebut ialah ungkapan yang ditulis oleh Tuan Gao pada sehelai kertas merah berikutnya Jue Qun mengucapkan sesuatu yang kurang manis. Dalam budaya kaum Cina, penggunaan kertas berwarna merah dipercayai mampu membuang sial dan membawa nasib baik (Zheng 1994, 403). Tulisan *chengyu* ini mengungkapkan maknanya yang memesan seseorang itu supaya tidak tersinggung ataupun ambil hati pada kata-kata budak kecil. Padanan yang diberikan ialah "kata-kata bertuah". "Bertuah" mendukung makna "mempunyai tuah, bernasib baik, berbahagia, beruntung" (*Kamus Dewan* 2005, 1717). Jelasnya, terjemahan ini mengungkapkan makna kata-kata yang membawa maksud nasib baik, untung, mujur dan berkat. Dengan membandingkan makna *chengyu* bergabung dalam 3(a) dengan makna padanannya dalam 3(b), terjemahan yang diberikan kelihatan bersifat lebih umum. Hal yang diungkapkan cuma makna asasnya, iaitu kata-kata manis yang menyenangkan hati, sedangkan makna hakiki yang didukung oleh *chengyu* tersebut, iaitu tidak tersinggung dengan kata-kata negatif yang dikeluarkan oleh kanak-kanak, tidak kesampaian. Keadaan sedemikian menyebabkan teks sasaran mengalami pengurangan makna. Oleh itu, terjemahan yang diberikan ialah terjemahan tidak tepat. Namun demikian, disebabkan makna hakiki *chengyu* itu tidak wujud dalam jaringan sosiobudaya bahasa sasaran dan tiada item leksikal yang mendukung makna yang sepadan, maka terjemahan yang diberikan boleh diterima. Tambahan pula, dalam

konteks ayat tersebut, niat datuk untuk mengelakkan kesan negatif daripada kata-kata sial yang dikeluarkan oleh Jue Qun dapat disampaikan melalui tindakannya menulis ungkapan yang membawa maksud bertuah pada sehelai kertas merah.

- 4(a) 她觉得这时候她已经跪在那条路上了，耳边一阵呻吟，眼前一片血肉模糊的景象。 (246.1.7)
Ta jue de zhe shi hou ta yi jing gui zai na tiao lu shang le, er bian yi zhen shen yin, yan qian yi pian xue rou mo hu de jing xiang.
 [Dia berasa ini masa dia sudah berlutut di itu batang jalan atas sudah, telinga tepi satu deruan keluhan sakit, depan mata satu lapis darah daging kabur punya pemandangan.]
- 4(b) Dia terasa pada masa ini, dia seolah-olah sujud di jalan itu. Suara erangan terngiang-ngiang di telinga, pemandangan di mata dipenuhi darah dan daging yang kabur. (322.5.1)

Berdasarkan penerangan makna yang diberikan dalam Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987, 1475), didapati bahawa makna hakiki *chengyu* 血肉模糊 [*xue rou mo hu*; darah daging kabur] dalam 4(a), yakni keadaan kematian dan kecederaan yang menyayat hati diterangkan melalui makna leksikalnya, iaitu tidak dapat membezakan antara darah dengan daging. Oleh itu, *chengyu* tersebut ialah *chengyu* tidak bergabung kerana memiliki makna hakiki yang berbeza daripada makna leksikalnya. Penggunaan *chengyu* tersebut dalam 4(a) mengungkapkan gambaran kematian dan kecederaan yang sangat teruk terpampang di depan mata Qin. *Chengyu* tersebut disalin semula sebagai "darah dan daging yang kabur". Perkataan utama yang membentuk padanan tersebut, iaitu "darah", "daging" dan "kabur" masing-masing mendukung makna "cecair berwarna merah yang mengalir dalam tubuh manusia atau binatang", "isi pada manusia atau binatang di antara kulit dengan tulang", "tidak dapat melihat dengan terang atau nyata" (*Kamus Dewan* 2005, 314; 302; 649). Padanan tersebut sebenarnya tidak dapat ditentukan makna keseluruhannya kerana perkataan "darah" dan "daging" tidak berkolokasi dengan perkataan "kabur" dalam bahasa sasaran. Terjemahan ini merupakan terjemahan kata demi kata daripada leksikal yang membentuk *chengyu* tersebut, iaitu 血 [*xue*; darah], 肉 [*rou*; daging] dan 模糊 [*mo hu*; kabur]. Makna hakiki *chengyu* tidak kesampaian dan terbukti mengakibatkan keadaan pengurangan makna dalam teks sasaran. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat. Bagi mengatasi masalah tersebut, terjemahan yang dicadangkan ialah "tragedi kematian dan kecederaan yang menyayat hati".

Analisis kes 3 memaparkan bahawa keadaan pengurangan makna berlaku akibat daripada perbezaan sosiobudaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Konsep pemikiran dalam bahasa sumber yang tidak wujud dalam dunia bahasa

sasaran menyebabkan makna *chengyu* tidak dapat diterjemahkan dengan lengkap. Dalam hal ini, cuma makna yang lebih umum berjaya disalin semula. Selain itu, ciri *chengyu* tidak bergabung yang paling signifikan ialah makna hakikinya tidak dicerminkan melalui gabungan makna setiap aksara yang membentuknya. Terjemahan kata demi kata setiap aksara *chengyu* seperti yang ditunjukkan dalam kes 4 semestinya menyebabkan fenomena tertinggalnya makna hakiki *chengyu* dalam teks sasaran.

Keadaan Penambahan Makna

Ekoran daripada pemberian maklumat yang melebihi makna hakiki *chengyu*, wujudnya keadaan penambahan makna. Padanan yang diberikan mendukung makna yang melebihi makna hakiki *chengyu*. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat.

Teliti kes-kes yang berikut:

- 5(a) "我刚刚看见抬伤兵进城, 接二连三的, 不晓得有多少", 觉民激动地说... (183.2.1)
"Wo gang gang kan jian tai shang bing jin cheng, jie er lian san de, bu xiao de you duo shao", jue min ji dong de shuo...
 "Aku tadi nampak mengusung tentera tercedera masuk kota, sambut dua diikuti tiga punya, tidak tahu ada berapa", Jue Min resah {kata bantu} berkata..."
- 5(b) "Aku nampak dua tiga orang askar yang cedera parah diusung ke dalam kota berturut-turut. Entah berapa bilangannya aku tak pasti", ujar Juemin dengan terharu. (241.3.1)

Chengyu 接二连三 [*jie er lian san*; sambut dua diikuti tiga] dalam 5(a) ialah *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya adalah selaras dengan makna leksikalnya, iaitu satu demi satu tanpa terputus (*Kamus Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* 1987, 616). Perihal askar yang tercedera parah diusung masuk satu demi satu ke dalam kota secara terus-menerus dipaparkan melalui penggunaan *chengyu* tersebut dalam konteks ayat 5(a). Bilangan orang askar yang cedera parah adalah sangat banyak. *Chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "dua tiga... berturut-turut". Padanan ini kelihatan mengandungi dua maklumat, iaitu "dua tiga" dan "berturut-turut". "Dua tiga" yang salah dari segi tatabahasa didapati ialah kata bilangan yang menyatakan bilangan dua orang atau tiga orang askar. "Berturut-turut" pula mendukung makna "tidak berantara antara satu dengan lain, lepas satu-satu, terus-menerus dengan teratur (tidak berselang), tidak berhentinya" (*Kamus Dewan* 2005, 1747). Secara keseluruhan, padanan tersebut memerihalkan bahawa dua orang atau tiga orang askar yang cedera parah diusung satu demi satu

ke dalam kota tanpa putus. Perbandingan makna *chengyu* tersebut dengan makna padanannya menunjukkan bahawa "dua tiga" menyampaikan maklumat tambahan. Jika diteliti bentuk *chengyu* tersebut, aksara pada kedudukan kedua dan keempat yang membentuknya terdiri daripada kata bilangan, iaitu 二 [er; dua] dan 三 [san; tiga]. Pada kebanyakan masanya kata bilangan yang digunakan ini tidak mengungkapkan bilangan angka yang sebenar (Chen 2005, 210). Dalam kes ini, penggunaan angka lebih merupakan perlambangan untuk menunjukkan makna banyak. Maka, penyalinan semula leksikal angka tersebut menyampaikan maklumat tambahan dan sekali gus menyebabkan teks sasaran mengalami penambahan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat. Bagi mengatasi masalah tersebut, dicadangkan supaya "dua tiga orang" digugurkan. Di samping itu, "berturut-turut" yang didapati kurang tepat bahasanya dalam konteks ayat ini dicadangkan supaya ditukar kepada "bertali arus". "Bertali arus" yang bermakna "banyak sekali orang lalu-lalang dan lain-lain" (*Kamus Dewan* 2005, 1582) kelihatan lebih dekat dengan makna "banyak" yang didukung oleh *chengyu* tersebut.

- 6(a) "哪个晓得是真是假？你们做少爷、老爷的都是反复无常，不高兴的时候什么事情都做得出来", 她呜咽地说。 (83.6.1)
"Na ge xiao de shi zhen shi jia? Ni men zuo shao ye, lao ye de dou shi fan fu wu chang, bu gao xing de shi hou shen me shi qing dou zuo de chu lai", ta wu ye de shuo.
 ["Mana satu tahu ialah benar ialah palsu? Kalian jadi tuan muda, tuan punya semua ialah berubah-ubah tiada peraturan tetap, tidak gembira punya masa apa-apa perkara semua buat dapat keluar", dia sedutan {kata bantu} cakap.]
- 6(b) "Siapa tahu benar atau palsu? Tuan Muda sering berubah-ubah mengikut rasa. Jika tak gembira, apa saja hal sanggup dibuat". (107.6.1)

Berpandukan penerangan makna yang diberikan dalam *Kamus Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987, 326), *chengyu* 反复无常 [*fan fu wu chang*; berubah-ubah tiada peraturan tetap] dalam 6(a) dikenal pasti sebagai *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakiki dan makna leksikalnya bersifat tidak selaras. Makna hakiki *chengyu* ini, iaitu perubahan yang tidak tetap diterangkan melalui makna leksikalnya, iaitu berubah-ubah dan tidak mengikuti peraturan yang lazim. Dalam konteks ayat 6(a), Ming Feng menggunakan *chengyu* ini untuk meluahkan perasaan bahawa tingkah laku dan perangai orang yang menjadi tuan selalu berubah-ubah dan tidak tetap. *Chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "sering berubah-ubah mengikut rasa". Perkataan yang membentuk padanan tersebut, iaitu "sering", "berubah-ubah", "mengikut" dan "rasa" masing-masing bermakna "kerap kali, acap kali, selalu", "sentiasa atau sering kali berubah (bertukar), tidak

tetap (keadaannya dan lain-lain)", "menurut, sesuai dengan, selaras dengan" dan "keadaan hati terhadap sesuatu; anggapan tentang baik buruk (salah benar dan lain-lain), pendapat, fikiran" (*Kamus Dewan* 2005, 1471; 1751; 566; 1290). Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa padanan tersebut mengungkapkan makna selalu membuat perubahan dengan mengikut perasaan atau pandangan seseorang itu terhadap sesuatu. Dengan membandingkan makna *chengyu* dalam 6(a) dengan makna padanannya dalam 6(b), didapati bahawa frasa "mengikut rasa" menyalurkan makna tambahan yang sesungguhnya tidak didukung oleh *chengyu* tersebut dalam teks sumber. Hal yang sedemikian mengakibatkan padanan yang diberikan menjurus ke arah penambahan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat. Untuk mengungkapkan makna asal, dicadangkan supaya frasa "mengikut rasa" digugurkan.

Terjemahan yang diberikan cenderung mengalami penambahan makna sekiranya dibekalkan makna tambahan, iaitu makna yang melewati sempadan makna yang didukung oleh *chengyu*. Hal ini menjelaskan ketepatan penterjemahan makna *chengyu* ke dalam teks sasaran, bahkan menyampaikan maklumat yang tidak benar, seperti yang ditunjukkan dalam kes 5 dan kes 6.

Keadaan Pengosongan Makna

Terjadinya keadaan pengosongan makna apabila makna yang didukung oleh *chengyu* dalam teks sumber langsung tidak dipindahkan ke dalam teks sasaran. Dengan kata lain, *chengyu* tersebut digugurkan sepenuhnya dalam teks sasaran.

Perhatikan kes-kes yang seterusnya:

- 7(a) 她又说她的前途有许多障碍，她的处境是如何困难，她的地位是如何孤独，她决定不顾一切地向着新的路走去，她如何需要一个象他这样能够了解她、安慰她、帮助她的人。(311.0.11)
Ta you shuo ta de qian tu you xu duo zhang ai, ta de chu jing shi ru he kun nan, ta de di wei shi ru he gu du, ta jue ding bu gu yi qie de xiang zhe xin de lu zou qu, ta ru he xu yao yi ge xiang ta zhe yang neng gou liao jie ta, an wei ta, bang zhu ta de ren.
 [Dia lagi cakap dia punya masa depan ada banyak halangan, dia punya situasi ialah macam mana susah, dia punya kedudukan ialah macam mana bersendirian, dia berkeputusan tidak pedulikan segala-gala {kata bantu} menghadap sedang baharu punya jalan berjalan pergi, dia macam mana memerlukan satu {penjodoh bilangan} seperti dia ini macam dapat memahami dia, menenangkan hati dia, membantu dia punya orang.]
- 7(b) Masa depannya dirintangi oleh banyak halangan, betapa susahnya

lingkungan dia berada dan betapa sepihnya kedudukan. Dia berazam $\{\emptyset\}$ mengambil langkah mara ke jalan baharu. Maka dia memerlukan seorang teman seperti Juemin untuk memahami, menenangkan hatinya dan menghulurkan bantuan. (405.2.17)

Dengan merujuk kepada penerangan makna dalam Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987, 93), *chengyu* 不顾一切 [*bu gu yi qie*; tidak pedulikan segala-gala] yang hadir dalam 7(a) ialah *chengyu* bergabung kerana makna leksikal dan makna hakikinya bersifat setara, iaitu apa-apa pun tidak diambil peduli. Kehadiran *chengyu* tersebut dalam 7(a) memerihalkan bahawa Ming Feng berani untuk menempuh kehidupan baharu tanpa mengira sebarang halangan dan ternyata *chengyu* tersebut mengungkapkan makna tidak takut untuk menghadapi kesukaran dan kepayahan. Perbandingan makna antara kedua-dua teks kajian menunjukkan bahawa makna hakiki *chengyu* tidak disalin semula ke dalam teks sasaran. Hal ini ditandai $\{\emptyset\}$ dalam 7(b). Keadaan sedemikian menyebabkan teks sasaran mengalami pengosongan makna. Pengosongan makna dalam kes ini adalah tidak wajar kerana makna yang didukung oleh *chengyu* tersebut sememangnya mempunyai padanan makna yang setara dalam bahasa sasaran. Bagi mengungkapkan makna asal, dicadangkan supaya *chengyu* tersebut diterjemahkan ke dalam teks sasaran sebagai "Dia berazam untuk mengorak langkah ke jalan baharu *tanpa mengira sebarang halangan*" atau "Dia berazam untuk mengorak langkah ke jalan baharu *dengan berani*". "Berani" yang mendukung makna "tidak takut, tabah menghadapi bahaya (kesulitan dan lain-lain)" (*Kamus Dewan* 2005, 167) kelihatan lebih dekat dengan makna kesungguhan dan kesanggupan Ming Feng untuk menghadapi apa-apa juarintangan dalam menempuh kehidupan baharu.

8(a)

其实爷爷跟你说什么话，你只要不声不响地听着，让他一个人去说，等他话说够了，气平了，你答应几个‘是’字就走出去，把一切都忘在九霄云外，好象没有听见他说过什么一样。这不更简单吗？你跟他争论，一点好处也没有！"(73.5.3)

"Qi shi ye ye gen ni shuo shen me hua, ni zhi yao bu sheng bu xiang de ting zhe, rang ta yi ge ren qu shuo, deng ta hua shuo gou le, qi ping le, ni da ying ji ge 'shi' zi jiu zou chu qu, ba yi qie dou wang zai jiu xiao yun wai, hao xiang mei you ting jian ta shuo guo shen me yi yang. Zhe bu geng jian dan ma? Ni gen ta zheng lun, yi dian hao chu ye mei you!"

[Padahal datuk dengan kamu cakap apa kata, kamu asalkan tidak bersuara tidak berbunyi {kata bantu} dengar sedang, biar dia satu {penjodoh bilangan} orang pergi cakap, tunggu dia kata cakap cukup sudah, kemarahan reda sudah, kamu jawab beberapa {penjodoh bilangan} 'ya' perkataan lalu jalan keluar, jadikan segala-galanya

- semua lupa di sembilan langit awan luar, seolah-olah tiada dengar dia cakap pernah apa sama. Ini bukan lagi mudah {kata tanya}? Kamu dengan dia bertelagah, sedikit kebaikan juga tiada!"]
- 8(b) "Yang sebenarnya sewaktu datuk bercakap dengan kau, dengar saja. Biar dia seorang berleter sampai dia rasa puas dan tenteram, barulah kau mengiakkannya lantas keluar. Kau boleh melupakan segala-gala itu {Ø} seperti tak pernah mendengar apa-apa daripadanya. Kan ini cara mudah! Jika kau bertegang leher dengannya, apa kebaikannya?" (95.3.5)

Chengyu 九霄云外 [*jiu xiao yun wai*; sembilan langit awan luar] dalam 8(a) ialah *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakiki dan makna leksikalnya bersifat tidak selaras. Makna hakiki *chengyu* tersebut, iaitu tempat yang sangat jauh diasosiasikan melalui makna leksikalnya, iaitu berada di luar lingkungan langit yang terdiri daripada sembilan tingkat (*Kamus Cheng Yu Da Ci Dian* 2007, 500). Secara literal, kehadiran *chengyu* tersebut dalam ayat 8(a) memerihalkan teguran datuk boleh dilupakan di tempat yang sangat jauh. Melalui perbandingan teks, *chengyu* tersebut didapati tidak diterjemahkan. Perkara ini ditunjukkan melalui tanda {Ø} dalam 8(b). Keadaan sedemikian menyebabkan teks sasaran mengalami pengosongan makna. Dalam bahasa Melayu, untuk menyampaikan maksud tidak mahu untuk diingati kembali, perkataan "melupakan", iaitu padanan bagi 忘 [*wang*; lupa] dalam 8(b) yang bermakna "menghilangkan daripada ingatan, menjadikan lupa" (*Kamus Dewan* 2005, 968) sudah memadai. Cara pengungkapan konsep pemikiran dalam satu bahasa sememangnya berbeza daripada satu bahasa yang lain. Dalam kes ini, "melupakan sesuatu ke tempat yang jauh" kelihatan bertentangan dengan emik bahasa sasaran. Maka, makna hakiki *chengyu* tersebut perlu digugurkan dalam teks sasaran. Sungguhpun demikian, hal ini tidak menjejaskan ketepatan penyampaian semula mesej teks sumber. Oleh itu, padanan kosong dalam kes ini boleh diterima.

Analisis kes 7 dan kes 8 mendapati dua faktor yang menyebabkan terjadinya keadaan pengosongan makna dalam penterjemahan *chengyu*; pertama, kecuaian manusia. Dalam situasi sebegini, padanan kosong tidak boleh diterima kerana makna *chengyu* sebenarnya dapat disalinkan semula. Kedua, wujudnya perbezaan cara pengungkapan sesuatu konsep pemikiran antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Atas faktor tersebut, padanan kosong boleh diterima disebabkan makna *chengyu* terpaksa digugurkan demi memelihara emik bahasa sasaran.

Keadaan Perbezaan Makna

Penyampaian makna yang bercanggah dengan makna sebenar *chengyu* dalam teks sumber membawa kepada keadaan perbezaan makna. Padanan yang diberikan mengandungi makna yang berlainan daripada makna asal. Terjemahan sebegini turut menghasilkan terjemahan tidak tepat.

Teliti kes 9 dan kes 10 yang berikut:

- 9(a) 但这是凄凉的微笑，是无可奈何的微笑，她的额上那一条使她的整个脸显得更美丽、更凄哀的皱纹，因了这一笑显得更深了。(138.5.1)
Dan zhe shi qi liang de wei xiao, shi wu ke nai he de wei xiao, ta de e shang na yi tiao shi ta de zheng ge lian xian de geng mei li, geng qi ai de zhou wen, yin le zhe yi xiao xian de geng shen le.
 [Tetapi ini sedih punya senyuman, ialah tiada dapat mengatasi masalah punya senyuman, dia punya dahi atas itu satu batang menyebabkan dia punya seluruh wajah kelihatan lagi cantik, lagi sedih punya kedut, sebab sudah ini satu senyum kelihatan lagi mendalam sudah.]
- 9(b) Belum sempat menjawab, wanita itu ketawa tetapi ketawa yang memperlihatkan kepiluan dan kehampaan. Kedut di dahi yang menonjolkan kegelisahan dan kesayuan menjadi lebih ketara. (184.5.1)

Merujuk kepada makna yang diterangkan dalam Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* (1987, 1360), *chengyu* 无可奈何 [*wu ke nai he*; tiada dapat mengatasi masalah] dalam 9(a) tergolong sebagai *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya setara dengan makna leksikalnya, iaitu tiada lagi apa-apa cara yang dapat difikirkan. Dalam konteks ayat 9(a), penggunaan *chengyu* tersebut memerihalkan senyuman Mei itu adalah senyuman yang dipaksa. Mei sebenarnya berada dalam kesusahan, tetapi tiada pilihan melainkan menguntumkan senyuman kepada orang ramai. *Chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "kehampaan". Padanan ini mengungkapkan makna "perasaan kecewa (kerana tidak mendapat, menemui, mencapai dan sebagainya sesuatu yang dihajati atau dicita-citakan), kekecewaan" (Kamus Dewan 2005, 506). Dengan membandingkan makna *chengyu* dalam teks sumber dengan makna padanannya, padanan yang diberikan terbukti mengandungi makna yang berlainan. Hal sedemikian menunjukkan bahawa padanan yang diberikan mengalami perbezaan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat. Bagi mengungkapkan makna asal, dicadangkan supaya padanan tersebut digantikan dengan "keterpaksaan" yang bermakna "keadaan terpaksa; dipaksa, mesti, tidak boleh tidak" (Kamus Dewan 2005, 1118).

- 10(a) 这些话对觉新虽然还是一个晴天霹雳，但是他和平地接受了。(379.1.1)
Zhe xie hua dui jue xin sui ran shi yi ge qing tian pi li, dan shi ta he ping jie shou le.
 [Semua ini kata bagi Jue Xin sungguhpun ialah satu {penjodoh bilangan} hari cerah petir, tetapi dia aman {kata bantu} menerima sudah.]
- 10(b) Pantang larang ini merupakan pukulan dahsyat kepada Juexin, namun dia menerima secara aman. (492.2.1)

Chengyu 晴天霹雳 [*qing tian pi li*; hari cerah petir] dalam 10(a) ialah *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya tidak dicerminkan melalui makna leksikalnya. Makna hakiki *chengyu* tersebut, iaitu musibah yang datang secara mendadak diasosiasikan melalui makna leksikalnya, iaitu hari yang cerah disambar petir (Kamus *Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* 1987, 983). Dalam ayat 10(a), *chengyu* tersebut memerihalkan Jue Hui tiba-tiba ditimpa kesusahan kerana isterinya yang sudah hampir bersalin didesak untuk berpindah keluar dari rumah. *Chengyu* tersebut diterjemahkan menjadi "pukulan dahsyat". Perkataan yang membentuk padanan tersebut, iaitu "pukulan" bermakna "ketukan, hentaman, serangan", manakala "dahsyat" pula bermakna "menakutkan, mengerikan" atau "hebat, amat sangat, terlampaui" (Kamus Dewan 2005, 1244; 303). Secara keseluruhannya, padanan tersebut bermakna tamparan yang sangat kuat dan hebat kepada Jue Xin. Perbandingan makna *chengyu* tersebut dengan makna padanannya membuktikan bahawa makna yang disampaikan ke dalam teks sasaran berlainan daripada makna asal. Terjemahan yang diberikan cenderung menyalin semula makna leksikal *chengyu* tersebut, iaitu 霹雳 [*pi li*; petir] yang merujuk kepada fenomena guruh dan kilat sabung-menyabung serta menghasilkan bunyi yang sangat kuat dan memberikan kesan yang sangat buruk terhadap manusia, haiwan, tumbuhan, bangunan dan sebagainya (Kamus *Zui Xin Han Yu Da Ci Dian* 2000, 857). Makna hakiki *chengyu* tersebut sesungguhnya tidak dapat ditentukan melalui makna yang didukung oleh aksara yang membentuknya. Kes ini menunjukkan bahawa penerokaan makna tersirat *chengyu* tersebut tidak lengkap dan menyeluruh. Berikut hal ini, padanan yang diberikan mengalami perbezaan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat. Bagi menyampaikan makna asal dengan tepat, *chengyu* tersebut dicadangkan untuk diterjemahkan sebagai "menimpa Jue Xin secara mendadak". Perkataan "menimpa" dan "mendadak" yang masing-masing bermakna "mengenai (biasanya berkaitan sesuatu yang menyebabkan kesusahan, penyakit dan lain-lain)" dan "dengan tiba-tiba" (Kamus Dewan 2005, 1688; 300) kelihatan lebih dekat dengan makna hakiki *chengyu* tidak bergabung dalam teks sumber.

Kes 9 dan kes 10 menunjukkan bahawa timbulnya masalah penyimpangan makna. Penafsiran makna yang salah tidak lain berpunca daripada usaha yang kurang menyeluruh dalam aktiviti penerokaan makna *chengyu*. Hal ini perlu diberikan perhatian kerana penyampaian makna yang tidak tepat menyebabkan mesej teks asal terpesong.

Kes-kes Lain

Keadaan ketepatan makna yang dikemukakan oleh Larson (1984) didapati bukan sahaja wujud secara berasingan, tetapi juga hadir secara serentak.

Lihat kes 11 dan kes 12:

- 11(a) 这时候他爱读的书是《中国魂》和《饮冰室丛著》，他甚至于赞成梁任公在《国民浅训》里所主张的征兵制，还有投笔从戎的心思。
(102.0.1)
Zhe shi hou ta ai du de shu shi "zhong guo hun" he "yin bing shi cong zhu", ta shen zhi yu zan cheng liang ren gong zai "guo min qian xun" li suo zhu zhang de zheng bing zhi, hai you tou bi cong rong de xin si. [Ini masa dia suka baca punya buku ialah "zhong guo hun" dan "yin bing shi cong zhu", dia malah bersetuju Liang Ren Gong di "guo min qian xun" dalam menganjurkan punya sistem pengerahan tentera, masih ada mencampakkan alat tulis menyertai pasukan tentera punya niat.]
- 11(b) Pada masa itu, bacaan kegemarannya ialah *Jiwa China* dan *Antologi Yin Pingse*. Dia menyokong pendapat Liang Qichao tentang kerahan tenaga secara paksa yang dicadangkan dalam *Panduan Politik Asas Nasional*. Malah, pernah timbul niat di hati Juehui untuk menyertai bidang tentera daripada terus bersekolah. (134.1.10)

Chengyu 投笔从戎 [*tou bi cong rong*; mencampakkan alat tulis menyertai pasukan tentera] dalam 11(a) ialah *chengyu* bergabung kerana makna hakikinya sama dengan makna leksikalnya, iaitu meletakkan kerja-kerja penulisan untuk menyertai pasukan tentera (Kamus *Cheng Yu Da Ci Dian* 2007, 957). Dalam konteks ayat 11(a), penggunaan *chengyu* tersebut mengungkapkan makna Jue Hui berhasrat untuk menghentikan kerja-kerja penulisan risalah kerana mahu menyumbang tenaga fizikal dalam usaha menghapuskan sistem feudal pada zaman dahulu. *Chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "menyertai bidang tentera daripada terus bersekolah". Padanan yang diberikan kelihatan mendukung makna menghentikan persekolahan kerana mahu berkhidmat dalam pasukan tentera. Dengan membandingkan makna *chengyu* dalam 11(a) dengan makna padanannya dalam 11(b), didapati bahawa padanan yang diberikan berjaya mengungkapkan makna "berkhidmat dalam pasukan tentera". Akan tetapi, makna

padanan "berhenti sekolah" didapati berbeza daripada makna "menghentikan kerja-kerja penulisan" seperti mana yang terungkap dalam teks sumber. Keadaan sedemikian menghasilkan gabungan keadaan dalam penterjemahan makna *chengyu*, iaitu keadaan persamaan makna bergabung dengan keadaan perbezaan makna. Untuk menyampaikan makna asal, dicadangkan supaya *chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "menghentikan kerja-kerja penulisan untuk menyumbang tenaga dalam pasukan tentera".

- 12(a) "你总爱强辩!" 周氏带笑地责备他。"怪不得今天你四爸、五爸又在说你的坏话。还有四婶、五婶、陈姨太她们都在随声附和。"(419.6.2)
"Ni zong ai qiang bian!" zhou shi dai xiao de ze bei ta. "Guai bu de jin tian ni si ba, wu ba you zai shuo ni de huai hua. Hai you si shen, wu shen, chen yi tai ta men dou zai sui sheng fu he".
 ["Awak selalunya suka kuat berdebat!" Zhou bawa senyum {kata bantu} marah dia. "Patutlah hari ini awak Pak Andak, Pak Teh lagi sedang cakap awak punya buruk kata. Masih ada Mak Andak, Mak Teh, Chen {panggilan untuk isteri baharu datuk} mereka semua sedang ikut bunyi turut nyanyi."]
- 12(b) "Mulut kau celupar!" tegur Puan Zhou dengan lembut. "Tak hairanlah Pak Cik Keempat dan Pak Cik Kelima selalu mengumpat tentang kau. Dan Mak Cik Keempat, Mak Cik Kelima dan Puan Chen pun sama". (542.4.1)

Chengyu 随声附和 [*sui sheng fu he*; ikut bunyi turut nyanyi] dalam 12(a) ialah *chengyu* tidak bergabung kerana makna hakikinya tidak selaras dengan makna leksikalnya. Makna hakikinya, iaitu tidak mempunyai pendirian sendiri diterangkan melalui makna leksikalnya, iaitu menyanyi mengikut rentak bunyi dan bercakap mengikut apa-apa yang dicakapkan oleh orang lain (*Kamus Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian* 1987, 1213; *Kamus Cheng Yu Da Ci Dian* 2007, 913). Dalam konteks ayat 12(a), *chengyu* tersebut mengungkapkan makna Mak Andak, Mak Teh dan Puan Chen mengikut-ikut Pak Andak dan Pak Teh bercakap buruk tentang Jue Hui. Kata-kata buruk yang dikeluarkan oleh mereka adalah sama dengan yang dicakapkan oleh Pak Andak dan Pak Teh kerana mereka tidak mempunyai pendirian sendiri dan menurut apa-apa sahaja yang dikatakan oleh orang lain. *Chengyu* dalam 12(a) sebenarnya mengandungi dua maklumat iaitu (1) mak cik-mak cik Jue Hui tidak mempunyai pendirian sendiri dan (2) kata-kata buruk yang dikeluarkan oleh mereka adalah sama dengan kata-kata buruk yang dilafazkan oleh Pak Andak dan Pak Teh. *Chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "pun sama" yang bermaksud "juga" dan "tidak berbeza atau berlainan" (*Kamus Dewan* 2005, 1247; 1376). Dalam konteks 12(b), padanan "pun sama" didapati bermakna selain Pak Andak dan Pak Teh yang mengumpat Jue Hui, Mak Andak,

Mak Teh dan Puan Chen juga bercakap buruk tentangnya. Dengan membandingkan makna *chengyu* dalam 12(a) dengan makna padanannya dalam 12(b), didapati bahawa padanan *pun sama* menimbulkan dua masalah. Pertama, makna "tidak berpendirian" tidak kesampaian dalam teks sasaran. Keadaan sedemikian menyebabkan teks sasaran mengalami pengurangan makna. Kedua, makna asal ialah kata-kata buruk yang dikeluarkan oleh Mak Andak, Mak Teh dan Puan Chen adalah sama dengan kata-kata buruk yang dikeluarkan oleh Pak Andak dan Pak Teh. Akan tetapi, padanan "pun sama" mengandungi makna Mak Andak, Mak Teh dan Puan Chen juga mengumpat Jue Hui. Padanan "pun sama" kelihatan menumpukan penekanan terhadap tindakan yang sama dalam mengumpat dan bukannya kata-kata buruk yang dikeluarkan. Keadaan sedemikian menyebabkan teks sasaran mengalami perbezaan makna. Secara keseluruhan, padanan yang diberikan mengalami keadaan pengurangan makna dan perbezaan makna. Oleh itu, terjemahan yang dihasilkan ialah terjemahan tidak tepat. Bagi mengungkapkan makna asal secara tepat, dicadangkan supaya *chengyu* tersebut diterjemahkan sebagai "pun terikut-ikut bercakap buruk tentang kau". Frasa "terikut-ikut" yang bererti "mengikut (sesuatu) dengan tidak begitu disedari (kerana terlalu terpengaruh olehnya dan lain-lain)" (*Kamus Dewan* 2005, 566) kelihatan lebih dekat dengan makna "tidak berpendirian" yang didukung oleh *chengyu* tersebut dalam teks sumber.

Analisis yang dijalankan turut menemui keadaan terjemahan baharu, iaitu lebih daripada satu keadaan tersebut boleh hadir secara serentak dalam satu kes. Keadaan ini didapati cenderung berlaku pada *chengyu* yang mengandungi lebih daripada satu unit makna. Disebabkan tiadanya item leksikal yang mendukung makna yang sepadan dalam bahasa sasaran, unit-unit makna tersebut perlu dipindahkan secara berasingan. Keadaan ini menyebabkan lebih daripada satu keadaan cenderung berlaku dalam penterjemahan makna *chengyu*. Tambahan pula, padanan yang diberikan mengalami keadaan pengurangan makna dan perbezaan makna apabila penyampaian makna *chengyu* bersifat tidak persis. Padanan yang diberikan bukan sahaja mendukung makna yang terlalu umum, malah konteks ayat kehadiran memberikan makna yang berbeza daripada makna asal.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa *chengyu* dapat diterjemahkan maknanya dengan tepat kerana konsep pemikiran dalam dunia bahasa Cina juga wujud dalam dunia bahasa sasaran, sama ada melalui kaedah padanan sejadi atau kaedah penerangan. Namun demikian, perbezaan linguistik dan ekstralinguistik antara dua bahasa yang berlainan serta kecuaian manusia semasa proses penterjemahan menyebabkan makna *chengyu* tertinggal, ditokok tambah, digugurkan ataupun diberikan makna yang berlainan dalam teks sasaran.

Fenomena kehilangan makna dalam penterjemahan sesungguhnya perlu dikurangkan pada tahap yang paling minimum seperti dalam dapatan kajian yang ditemui oleh Boh dan Goh (2013). Melainkan faktorkekangan linguistik dan ekstralinguistik, faktor lain seperti kecuaian manusia yang menyebabkan kehilangan makna dalam penterjemahan *chengyu* adalah tidak boleh diterima. Pada masa yang sama, penerokaan makna hakiki *chengyu* tidak harus terhenti pada makna leksikal sahaja, khususnya *chengyu* tidak bergabung yang mempunyai makna leksikal dan makna hakiki yang sangat jauh berbeza.

Dalam menghasilkan terjemahan yang tepat dan berkesan, dua proses utama yang menerajui aktiviti penterjemahan, iaitu pemerolehan makna dan penjelmaan semula makna *chengyu* dalam teks sumber mestilah bersifat menyeluruh dengan memanfaatkan sepenuhnya kamus sebagai alat rujukan.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan di bawah tajaan Geran APEX Delivering Excellence 2012 (DE2012) Universiti Sains Malaysia [1002/PHUMANITI/910329].

Lampiran

<i>Chenyu</i> Bergabung / Terjemahan	Status	<i>Chenyu</i> tidak bergabung / Terjemahan	Status
1. 一路平安 / selamat jalan	=	1. 万马奔腾 / ribuan ekor kuda memecut laju	=
2. 异乎寻常 / luar biasa	=	2. 目不识丁 / buta huruf	=
3. 软弱无力 / lesu	=	3. 心如刀割 / hati...bagai terhiris	=
4. 操之过急 / sikap...terburu-buru	=	4. 惊天动地 / dahsyat	=
5. 悲喜交集 / sedih berbaur gembira	=	5. 赴汤蹈火 / tanpa mengira risikonya	=
6. 从容不迫 / teratur	=	6. 东飘西荡 / terumbang-ambing	=
7. 三五成群 / berkelompok	=	7. 千军万马 / ribuan kuda	=
8. 岌有此理 / karut	=	8. 顶天立地 / gagah berani	=
9. 甘心情愿 / rela	=	9. 半死不活 / longlai	=
10. 恍然大悟 / tiba-tiba...insaf	=	10. 扬扬得意 / megah	=
11. 慷慨激昂 /semangat berkobar-kobar	=	11. 津津有味 / asyik	=
12. 不知不觉 / tidak disedari	=	12. 长吁短叹 / keluh-kesah	=
13. 局促不安 / tidak tenteram	=	13. 不死不活 / kaku dan serba salah	=
14. 一无所得 / tidak beroleh apa-apa	=	14. 亭亭玉立 / tinggi lampai	=

(bersambung)

(sambungan)

<i>Chenyu Bergabung / Terjemahan</i>	Status	<i>Chengyu tidak bergabung / Terjemahan</i>	Status
15. 幸灾乐祸 / berasa girang atas kejadian malang	=	15. 东张西望 / terjenguk-jenguk	=
16. 一举一动 / setiap tingkah laku	=	16. 多愁善感 / suka bermurung hiba	=
17. 大难临头 / bencana bakal menimpah	=	17. 交头接耳 / berbisik-bisik	=
18. 无所不在 / menyusup ke setiap penjuru	=	18. 左思右想 / benak...tidak berhenti berfikir	=
19. 无边无际 / tidak terbatas	=	19. 欲言又止 / teragak-agak	=
20. 不顾一切 / tanpa menghiraukan segala halangan	=	20. 结结巴巴 / tergagap-gagap	=
21. 童言无忌 / kata-kata bertuah	</✓	21. 聚精会神 / sepenuh perhatian	=
22. 由衷之言 / isi hati	</✓	22. 首当其冲 / menjadi sasaran pertama	=
23. 愤愤不平 / rasa tidak puas	</✓	23. 月明如水 / indahnya bulan malam ini	=
24. 夫荣妻贵 / amat cocok	</✓	24. 枯枝败叶 / daun-daun dan ranting kering di atas tanah	=
25. 扬名显亲 / harumkan...nama keluarga	</✓	25. 抛头露面 / berjalan bebas	</✓
26. 血光之灾 / bencana cahaya darah	</✗	26. 血肉模糊 / darah dan daging yang kabur	</✗
27. 坐吃山空 / hidup boros	</✗	27. 大吹大擂 / bercakap lantang	</✗
28. 据理力争 / tuntut dengan sedaya upaya	</✗	28. 豁然开朗 / terang	</✗
29. 奇耻大辱 / penghinaan	</✗	29. 明争暗斗 / tak...tenteram ... bergolak	</✗
30. 四面八方 / pelbagai pelosok	</✗	30. 空手赤拳 / dua belah tangan yang kosong	</✗
31. 谢天谢地 / syukurlah	</✗	31. 目无法纪 / tak menghormati undang-undang	</✗
32. 接二连三 / dua tiga...berturut-turut	>/✗	32. 多愁善感 / menjadi bermurung hiba	</✗
33. 哑然失笑 / tertawa sendirian	>/✗	33. 反复无常 / sering berubah-ubah mengikut rasa	>/✗
34. 无缘无故 / tanpa apa-apa alasan yang munasabah	>/✗	34. 根深柢固 / berakar umbi dengan kukuh	>/✗
35. 四面八方 / seluruh pelosok tanah besar ini	>/✗	35. 九霄云外 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✓
36. 不能自拔 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✓	36. 有气无力 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗
37. 出乎意外 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✓	37. 花枝招展 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗
38. 不顾一切 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗	38. 不可思议 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗
39. 坐吃山空 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗	39. 不堪入耳 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗
40. 无所不知 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗	40. 晴天霹雳 / pukulan dahsyat	≠/✗
41. 安分守己 / [tidak diterjemahkan]	Ø/✗	41. 莫名其妙 / kebingungan	≠/✗
42. 无可奈何 / kehampaan	≠/✗	42. 金童玉女 / anak patung	≠/✗

(bersambung)

(sambungan)

<i>Chenyu Bergabung / Terjemahan</i>	Status	<i>Chengyu tidak bergabung / Terjemahan</i>	Status
43. 天经地义 / pasangan yang secocok	≠ / ✗	43. 留恋不舍 / belum puas	≠ / ✗
44. 不以为然 / mengambil sikap endah tak endah	≠ / ✗	44. 见机行事 / lebih berhati-hati terhadap situasi	≠ / ✗
45. 哑然失笑 / geli hati	≠ / ✗	45. 不知所措 / tercengang	≠ / ✗
46. 媚妁之言 / keputusan perkahwinan dengan hasil merisik	≠ / ✗	46. 心如死灰 / hati telah beku	≠ / ✗
47. 不以为然 / selamba	≠ / ✗	47. 自言自语 / bisikan	≠ / ✗
48. 天经地义 / hukuman mutlak	≠ / ✗	48. 鬼鬼祟祟 / seperti mahu bersembunyi	≠ / ✗
49. 风土人情 / kehidupan penduduk	≠ / ✗	49. 披头散发 / rambut mengurai panjang	≠ / ✗
50. 投笔从戎 / menyertai bidang tentera daripada terus bersekolah	Δ / ✗	50. 随声附和 / pun sama	Δ / ✗

Petunjuk:

- = Keadaan persamaan makna; terjemahan tepat
 </✓ Keadaan pengurangan makna; terjemahan boleh diterima
 </✗ Keadaan pengurangan makna; terjemahan tidak boleh diterima
 >/✗ Keadaan penambahan makna; terjemahan tidak boleh diterima
 Ø/✓ Keadaan pengosongan makna; terjemahan boleh diterima
 Ø/✗ Keadaan pengosongan makna; terjemahan tidak boleh diterima
 ≠ / ✗ Keadaan perbezaan makna; terjemahan tidak boleh diterima
 Δ / ✗ Kes-kes lain; terjemahan tidak boleh diterima

Rujukan

- Abdullah Hussain. 1990. *Kamus simpulan bahasa*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ba, J. 1999. *Jia*. Selangor, Malaysia: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
- . 1995. *Keluarga*. Trans. Choo P. H. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boh, P. E. and Goh, S. S. 2013. Kehilangan makna dalam penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa Melayu. *Kajian Malaysia* 31(1): 79–96.
- Chen, W. B. 2005. *Ying han chengyu dui bi yu fan yi (Perbandingan dan penterjemahan peribahasa bahasa Inggeris-bahasa Cina)*. Beijing: Shijie Zhishi Chubanshe.
- Fu, H. Q. 2011. *Xian dai han yu ci hui (Perbendaharaan kata bahasa Cina kontemporari)*. Hong Kong: Shangwu Yinshuguan.
- Goh, S. S. and Boh, P. E. 2014. Analisis strategi penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 14(2): 75–91.
- Huang, H. J. 2011. Intermediality and human vs. machine translation. *CLCWeb: Comparative Literature and Culture* 13(3). Retrieved from <http://docs.lib.purdue.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1796&context=clcweb>.
- Kamus Cheng Yu Da Ci Dian (Kamus Besar Chengyu)*. 2007. Beijing: Shangwu Yinshuguan.
- Kamus Dewan*. 4th ed. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. 2nd ed. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Zhong Guo Cheng Yu Da Ci Dian (Kamus besar Chengyu China)*. 1987. Shanghai: Shanghai Cishu Chubanshe.
- Kamus Zui Xin Han Yu Da Ci Dian (Kamus besar bahasa Cina terkini)*. 2000. Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
- Larson, M. L. 1984. *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. London: University Press of America.
- Luo, H. Y. 1989. *Jian Ming Han Yu Yu Fa (Penerangan padat tentang ketatabahasaan bahasa Cina)*. Kuala Lumpur: Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.
- Newmark, P. 1981. *Approaches to translation*. London: Pergamon Press.
_____. 1988. *A textbook of translation*. London: Prentice-Hall International.
- Nida, E. A. 1964. *Towards a science of translating*. Leiden: Koninklijke Brill NV.
- Nida, E. A. and Taber, C. R. 1969. *The theory and practice of translation*. Leiden: Koninklijke Brill NV.
- Nord, C. 1997. *Translating as a purposeful activity: Functionalist approaches explained*. Manchester, UK/Northampton, MA: St. Jerome Publishing.
- Wu, Z. K. and Wang, Q. 1983. *Xian Dai Han Yu Ci Hui Gai Yao (Asas perbendaharaan China moden)*. Huhehaote Shi, China: Neimenggu Renmin Chubanshe.
- Za'ba. 1965. *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zhang, Z. G., ed. 1982. *Xian Dai Han Yu (Bahasa Cina Moden)*. Beijing: Renmin Jiaoyu Chubanshe.
- Zheng, X. J. 1994. *Zhong Guo Bi Xie Wen Hua Da Guan (Pantang larang dalam budaya masyarakat China)*. Guang Zhou: Huacheng Chubanshe.
- Zhou, J. 2004. *Ci Hui Xue Ci Dian Xue Yan Jiu (Kajian tentang leksikologi dan perkamusan)*. Beijing: Shangwu Yinshuguan.